

Malaysia penyumbang terbesar dana amanah

Daripada G. MANIMARAN

UM-16/08/08

EZULWINI (Swaziland) 15 Ogós – Dana Amanah Pakatan Pengurusan Teknologi Komanwel (CPTM) dilancarkan di sini malam tadi dengan penghargaan diberikan kepada kerajaan dan sektor swasta Malaysia yang merupakan penyumbang terbesar setakat ini.

Daripada RM77 juta (11 juta paun sterling) yang disasarkan, sebanyak RM38 juta (5.55 juta paun sterling) datang dari Malaysia.

Dana itu dilancarkan bersama oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad; Raja Swaziland, Raja Mswati III dan Presiden Uganda, Yoweri Museveni.

Museveni diwakili oleh Menteri

Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi, Gerald Ssendawula.

Ia dilancarkan oleh ketiga-tiga mereka dengan memukul gendang Swazi.

Kerajaan Malaysia menyumbangkan kira-kira RM6.7 juta (1 juta paun sterling) manakala penyumbang sektor Malaysia pula terdiri daripada Petronas (500,000 paun sterling), Tenaga Nasional Berhad dan Resort World Berhad masing-masing memberi 400,000 paun sterling, Gamuda (300,000 paun sterling) manakala Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton), Kumpulan Hong Leong, Magnum, Public Bank, RHB Bank, Southern Bank, Kumpulan Berjaya dan Ambank sctiap satu menyumbangkan 200,000 paun sterling.

Kesemuanya 29 syarikat Malaysia termasuk tujuh yang berjanji memberi sumbangan telah memainkan peranan menjayakan penubuhan dana berkenaan.

Pengerusi Pasukan Petugas Pelaksanaan Antrabangsa CPTM, Sir Ketumile Masire berkata, penggerak sumbangan dana berkenaan ialah syarikat-syarikat Malaysia yang memainkan peranan secara aktif.

Dalam pada itu, Swaziland dan Mauritius menyumbangkan RM670,000 (100,000 paun sterling) manakala Namibia pula RM500,000 (76,211 paun sterling).

Bangladesh dan Uganda juga berjanji akan menghulurkan sumbangan.

“Dengan kira-kira RM38 juta (5.7 juta paun sterling) dan RM13 juta (2 juta paun sterling) yang

dijanjiikan, kita berada dalam pertengahan perjalanan yang selesai untuk mencapai matlamat kita.

“Ia merupakan saat yang mengembirakan dan mencabar dalam sejarah CPTM,” kata beliau dalam ucapan alu-aluan pada majlis pelancaran.

Beliau yang juga bekas Presiden Bostwana memberitahu, dana berkenaan akan digunakan membeli sebuah bangunan di London yang kemungkinan dikenali sebagai Ibu Pejabat Hub Perkongsian Bestari.

Terdahulu Dr. Mahathir yang ditemui wartawan memberitahu, beliau telah mencadangkan supaya negara-negara peserta Gerakan Perkongsian Bestari turut menggalakkan sektor swasta di negara masing-masing menghulurkan sumbangan kepada dana amanah berkenaan.